

09/01/1999

Penyertaan Muhammad ditangguh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Majlis Tertinggi (MT) Umno menangguhkan penyertaan semula Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, kerana kes mahkamahnya belum selesai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, penangguhan kemasukan semula itu dibuat kerana Peguam Negara membuat rayuan kes berkenaan.

"Oleh kerana Peguam Negara membuat rayuan bermakna bahawa kes ini belum selesai, maka ditangguhkan penyertaan Muhammad Taib ke dalam MT," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT, di sini malam ini.

Muhammad yang juga bekas Menteri Besar Selangor, sebelum ini ada menghantar surat kepada presiden parti untuk menamatkan cuti kerana beliau didapati tidak bersalah mengikut penghakiman.

Pada 29 Disember lalu, Muhammad dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi selepas didapati tidak bersalah atas tuduhan gagal mengisytiharkan harta miliknya dan keluarga mengikut AKta Pencegah Rasuah 1961.

Selasa lalu, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah selaku Pendakwa Raya memfailkan notis rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Hakim Datuk Abdul Wahab Patail.

Abdul Wahab dalam keputusannya mendapati Muhammad tidak bersalah terhadap tuduhan gagal mengisytiharkan harta alih atau tak alih kepunyaannya, isteri dan anak-anak seperti yang dikehendaki oleh Pendakwa Raya melalui notis bertarikh 10 April 1997.

Beliau dituduh melakukan kesalahan itu di ibu pejabat Badan Pencegah Rasuah di Persiaran Duta di sini pada 26 Mei 1997.

(END)